

Kegiatan pencatitan dan pengumpulan Hadith dan perkembangan Ilmu Hadith di kalangan Shi'ah

Dalam bab III (Nota: rencana ini dipetik dari BAB IV, buku “Kedudukan Hadith Dalam Islam”, PUM, 1987) yang lalu kita telah mengikuti "Sejarah Penulisan Dan Perkembangan Ilmu Hadith" di kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah¹ sahaja, kini di dalam Bab IV², bab yang terakhir ini kita akan mengikuti pula "Kegiatan Pencatitan dan Pengumpulan Hadith dan Perkembangan ilmu Hadith di kalangan Ahl al-Bayt", iaitu keluarga Rasulullah s.'a.w. dan pengikut-pengikutnya yang juga dikenali dengan "Shi'ah"³ sejak zaman yang seawal-awalnya sehingga ke zaman wujudnya koleksi-koleksi hadith-hadith di dalam kitab-kitab hadith yang khusus, dan munculnya kitab-kitab lain yang berkaitan dengan Ilmu Hadith yang menjadi rujukan dan sandaran utama umat Islam selepas al-Qur'an. Ini adalah amat penting diketahui dan difahami oleh umat Islam tanpa mengira Sunni atau Shi'ah, terutamanya pada saat-saat umat Islam kini sedang diancam dan dicabar hebat oleh musuh-musuh Islam, samada dari Barat maupun dari Timur. Sungguhpun umat Islam kini semacam terpisah oleh batas-batas politik dan aliran-aliran pemikiran dan hukum dalam Islam yang menjadikan dunia Islam ke-pada dua dunia yang berbeza: Sunni dan Shi'ah; tetapi pada hakikatnya, dunia dan umat Islam hanya satu sahaja dan sama-sama pula bernaung di bawah kalimat suci, La Ilaha illa Allah, Muhammad Rasulullah! Pengetahuan dan persefahaman di antara Sunni dan Shi'ah ini adalah amat diperlukan untuk umat Islam bersatu semula dalam pemikiran, sikap dan tindakan bagi menentang musuh-musuh Islam yang kian hari kian dilengkapi dengan anika ideologi dan senjata yang sofistikated.

Pencatitan Hadith. - Nabi Muhammad s. 'a.w. dalam jangka 23 tahun sejak baginda menerima wahyu dan mendakwahkan Islam sehinggalah ke saat akhir baginda, maka baginda s.'a.w. telah secara langsung berkecimpung dengan kepimpinan dan tunjukajar manusia. Berbagai persoalan timbul dalam masyarakat Islam, ba gindalah yang menyelesaikan dan menunjuk-ajar mereka dalam berbagai lapangan hidup. Dilihat dari aspek ini, maka masyarakat Islam yang baru muncul diasuh dan disatu-padu oleh Nabi Muhammad s. 'a.w. pada waktu itu adalah amat penting. Orang-orang Islam yang hidup sezaman dengan baginda tentunya merasa ber-tuah, kerana mereka berpeluang mendapat nasihat secara peribadi daripada Rasulullah s.'a.w. sendiri, selain dari mereka berkesempatan bertanya soalan-soalan yang menyentuh kehidupan dan masyarakat mereka.

Bagaimanapun, selagi Rasulullah s.'a.w. masih hidup dan sumber wahyu itu berada di tengah-tengah kaum muslimin, maka kepentingan untuk mencatatit sesuatu dari baginda s. 'a.w. tidak begitu disedari ramai, sehinggalah setelah baginda s. 'a.w. wafat. Oleh sebab itu sewaktu pemerintahan khalifah yang pertama lagi keperluan untuk mencatatkan hadith-hadith amat dirasakan oleh kaum muslimin. Memang selayaknya

bahawa kata-kata 'Ali b. Abi Talib 'a.s., Imam Shi'ah yang pertama jangan sampai dilupakan, kerana beliau mempunyai pandangan yang jauh, dan beliaulah yang telah mendahului usaha-usaha mencatat segala pengucapan Rasulullah s.'a.w. semasa baginda s.'a.w. masih hidup lagi, perkataan demi perkataan yang didengarnya daripada baginda s. 'a.w. tidaklah terlepas dari catitannya.

Berhubung dengan ini, pengarang Ta'sis al-Shi'ah menulis:

".... memang telah diketahui umum bahawa (orang-orang) Shi'ahlah yang mula-mula sekali mengumpul catitan-catitan tentang segala tindak-tanduk dan ucapan-ucapan Nabi Muhammad s.'a.w. semasa pemerintahan khalifah-khalifahnyanya. Mereka cuma mengikut jejak langkah imam mereka, Amir al-Muslimimn 'Ali b. Abi Talib, di mana mereka telah mencatat hadith-hadith dan mengkategorikannya sewaktu hayat Nabi Muhammad s.'a.w. lagi".

Shaykh Abu al-'Abbas al-Najashi dalam terjemahan kitab Muhammad Ibn Adhfar telah berkata, "Saya telah bersama Hakam Ibn 'Ayyinah yang duduk disebelah Abu Ja'far Muhammad Ibn al-Baqir 'a.s. Hakam mula bertanyakan soalan-soalan, sedang Abu Ja'far tidak memperdulikan untuk menjawabnya. Sebenarnya mereka berdua tidak bersetuju tentang satu perkara. Kemudian Abu Ja'far berkata: "Anak lelakiku, bangun dan ambilkan kitab 'Ali. Lantas anaknya mengambil kitab saidina 'Ali yang berjilid-jilid itu lalu membukanya. Abu Ja'far membuka kitab-kitab itu satu demi satu sehingga beliau mendapati masalah itu (yang pernah dibincangkan). Maka Abu Ja'far berkata: "Inilah tulisan Saidina 'Ali dan apa yang direncanakan oleh Pesuruh Allah yang dikurniai Allah dengan kesejahteraan dan keselamatan."⁴

Ini terbukti kebenarannya dengan apa yang didapati dalam kitab, Periwiyat-Periwiyat Najashi, di samping dua lagi sumber yang mengesahkan kandungan hadith di atas itu.⁵ Selain dari itu ada riwayat lain yang mengesahkan perhatian yang diberikan oleh Shi'ah terhadap pencatitan hadith ialah satu peristiwa sewaktu Saidatina Fatimah al-Zahra' r.d. masih hidup; di mana pada suatu hari beliau gagal untuk menemukan manuskrip hadith yang telah dicatitnya sendiri, maka beliau mendesak pembantu rumahnya mencarikannya untuknya sambil berkata, "Carilah manuskrip itu, kerana ia menyamai harganya dengan anakku Hasan dan Husayn."⁶

Berhubung dengan usaha pencatitan hadith di kalangan Ahl al-Sunnah pula, dikatakan hanya bermula selepas Rasulullah s. 'a.w. wafat sehingga berlakunya isu kontroversi yang berpanjangan di antara dua golongan pro dan kontra terhadap pencatitan hadith.⁷ Berhubung dengan ini, 'A'ishah r.d.

telah meriwayatkan, "Bapa saya, Abu Bakr telah mengumpulkan 500 hadith dan pada suatu hari beliau membakar semuanya."⁸

Manakala terdapat pula berbagai riwayat berhubung dengan khalifah yang kedua, 'Umar al-Khattab yang menunjukkan beliau telah melarang orang ramai dari meriwayatkan hadith-hadith Nabi.⁹ Bagaimanapun, pencatitan hadith-hadith secara menyeluruh dan serius serta mendapat galakkan daripada pemerintah sendiri telah dilakukan oleh ahli-ahli hadith di kalangan Sunni sejak awal abad kedua Hijrah ketika khalifah 'Umar b. 'Abd al-'Aziz memerintahkan supaya diadakan pencatitan dan pengumpulan hadith-hadith.¹⁰ Perintah ini mendapat perhatian ramai dan Ibn Jurayj orang yang mula-mula sekali di kalangan Sunni mencatat dan mengumpul hadith-hadith Nabi. Bagaimanapun, usaha ini telahpun dimulai oleh keluarga Rasulullah s.'a.w. dan pengikut-pengikutnya sejak hayat Rasulullah s.'a.w. lagi dan usaha ini terus menerus dilakukan sehingga ke zaman generasi-generasi kemudian. Abu Ran' ialah orang yang pertama sekali memulakan usaha yang mulia ini selain daripada keluarga Rasulullah s.'a.w. sendiri.¹² Bagaimanapun, ada juga tokoh-tokoh lain yang mengusahakannya samada sewaktu Abu Ran' masih hidup ataupun selepas ia meninggal. Di antaranya ialah 'Ubayd Allah Ibn Abi Rafi', 'Ali Ibn Abi Ran', Salman al-Farisi, Abu Dharr al-Ghifari, Asbagh Ibn Nubatah dan lain-lain.¹³

Pencatit-Pencatit Hadith. — Pencatit-pencatit hadith di kalangan Shi'ah dapat dibahagikan kepada empat golongan berikut:

1. Golongan Pertama selain daripada 'Ali b. Abi Talib dan Fatimah al-Zahra' 'a.s. ialah Abu Rafi', Salman al-Farisi, Maytham al-Tammar, Asbagh Ibn Nubatah, Mujashi'i al-Kufi, 'Ubayd Allah Ibn Abi Rafi', Harth Ibn Abd Allah al-A'war al-Hamdani, Rabi'ah Ibn Sami', Salim Ibn Qays, 'Ali Ibn Abi Rafi', 'Abd Allah Ibn Hurr, Muhammad Ibn Qays al-Bajali, Ya'la Ibn Murrah dan Jabir Ibn 'Abd Allah al-Ansari.
2. Golongan kedua ialah Imam 'Ali Ibn Husayn Zayn al'Abidin, Ja'far Ibn Yazid al-Ju'fi, Zayd Ibn 'Ali, Husayn Ibn Thawr dan Ziyad Ibn al-Mundhir.
3. Golongan ketiga ialah Yahya Ibn Qasim, 'Abd al-Mu'min, Zurarah Ibn A'yun, Muhammad Ibn Muslim, Bassam al-Sayrafi, Abu 'Ubaydah al-Hadhdha, Zakariyya Ibn 'Abd Allah, Thawrab Ibn Qamamah, Majd Ibn Mughirah, Muhammad Ibn Zaidan al-Khadrami, Mu'awiyah Ibn 'Amarah, Matlah al-Zahri dan 'Abd Allah Ibn Maymun.
4. Golongan keempat ialah pencatit-pencatit yang terdiri daripada 4,000 orang yang berada di Iraq, Hijaz, Khurasan dan Sham (Syria) di mana kebanyakan dari mereka itu mengambil isnad daripada Imam Muhammad al-Baqir atau Imam Ja'far al-Sadiq 'a.s.¹⁴

Orang yang mula-mula sekali mencatat hadith-hadith di kalangan Sunni ialah Ibn Jurayj di Makkah; Ibn Ishaq dan Malik b. Anas di Madinah; Rabi' Ibn Sabih, Sa'id Ibn Abi 'Urubah, Hammad Ibn Salamah di Basrah; Sufyan Ibn Thawri di Kufah; al-Awza'i di Syria; Haitham di Wasit; Mu'ammarr di Yaman, Jarir Ibn 'Abd al-Hamid di Ray dan Ibn al-Mubarak di Harran¹⁵

Sungguhpun begitu terdapat juga perselisihan faham di kalangan ulama-ulama Sunni tentang siapakah yang mula-mula sekali mencatat hadith. Mengikut Ibn Hajar (Hujr), samada Rabi' Ibn Sabih (m. 160/777) atau Sa'id Ibn Abi 'Urubah (m. 156/773) ialah orang yang pertama sekali mencatat hadith, kemudian baru diikuti oleh Imam Malik b. Anas di Madinah, 'Abd al-Malik Ibn Jarir di Makkah. Tetapi, menurut Haji Khalifah, 'Abd al-Malik Ibn Jarir dan Malik b. Anas ialah orang-orang yang mula-mula mencatat hadith-hadith,¹⁶ manakala orang yang pertama sekali mengelaskannya dan membahagikan kepada bab-bab tertentu ialah Rabi' Ibn Sabih.¹⁷

Dalam perkara ini, tanpa mengira siapakah yang mula-mula mencatat hadith-hadith menurut Sunni, samada Rabi' Ibn Sabih atau Malik b. Anas ataupun Sa'id Ibn Abi 'Urubah, tetapi yang ketara mereka itu semuanya hidup dalam abad kedua Hijrah, iaitu kira-kira 100 tahun selepas Shi'ah memulakan pencatitan hadith.

Orang-orang Islam merasakan amat perlu kepada catitan segala perkataan, perbuatan dan apa sahaja yang mengenai Rasulullah s. 'a.w., lebih-lebih lagi setelah baginda wafat, kerana mereka mengakui bahawa dengan cara inilah sahaja dapat menyelamatkan generasi akan datang dalam menghadapi aneka masalah hidup. Kesedaran tentang kepentingan ini bertambah dari semasa ke semasa sesuai dengan keadaan dan tuntutan masyarakat Islam semasa.

Semasa sahabat-sahabat masih hidup penyelesaian segala masalah yang timbul masih boleh ditemui dan riwayat-riwayat dari para sahabat Nabi menjadi sebagai suluh panduan bagi generasi Tabi'in berikutnya. Pada ketika inilah sahabat-sahabat yang masih hidup menjadi fokus pertanyaan oleh para Tabi'in dan riwayat-riwayat merekalah yang dicatit oleh para Tabi'in itu.

Pada peringkat ini juga bermulanya pengkajian Ilmu Hadith. Hadith-hadith diibaratkan sebagai anak kunci untuk memahami al-Qur'an dan koleksi-koleksinya menjadi kitab tambahan bagi menguat dan melengkapkan al-Qur'an yang sedia ada di kalangan umat Islam. Walau bagaimanapun, seperti yang telah ditegaskan terdahulu dari ini bahawa keluarga Rasulullah s.'a.w. dan pengikut-pengikutnya telah lebih dahulu merasakan keperluan kepada pencatitan hadith sejak baginda masih hidup lagi.

Sejak kaum muslimin mula menyedari betapa mustahaknya pencatitan dan pengumpulan hadith-hadith ini mereka telah menghadapi berbagai-bagai kesulitan yang dialami oleh mereka. Misalnya, Jabir Ibn 'Abd Allah al-Ansari telah mengambil masa ber-bulan-bulan dengan menaiki unta hanya untuk mendengar sebuah hadith sahaja.¹⁸

Bilangan sahabat-sahabat Nabi s.'a.w., di mana hadith-hadith riwayat mereka telah diriwayatkan pula adalah kira-kira 114 orang yang tersebut di dalam setengah kitab.¹⁹ Di antara mereka itu yang terpenting ialah: 'Ali b. Abi Talib, 'Abd Allah b. Mas'ud, Salman al-Farisi, Ubay b. Ka'ab, 'Ammar b. Yasir, Hudhaifah b. al-Yaman, 'Abd al-Rahman b. 'Awf, Anas b. Malik, Abu Musa al-Ash'ari, 'A'ishah, 'Umar Ibn al-Khattab, Abu Hurayrah, 'Abd Allah b. al-'Abbas, 'Ubadah b. al-Samit, Abu 'Abd Allah al-Ansari dan Abu Sa'id al-Khudri. Manakala dari kalangan Tabi'in pula di antaranya ialah Sha'bi, Ibn al-Musayyab, Ibn Sirin dan lain-lain.²⁰

Pengarang kitab, Tadrib al-Rawi mencatat bilangan hadith-hadith yang diriwayatkan oleh setiap sahabat Nabi s.'a.w. itu seperti berikut:

1. Abu Hurayrah meriwayatkan sebanyak 5,374 hadith.
2. 'Abd Allah b. 'Umar meriwayatkan sebanyak 2,630 hadith.
3. 'A'ishah meriwayatkan sebanyak 2,208 hadith.
4. 'Abd Allah b. al-'Abbas meriwayatkan sebanyak 1,660 hadith.
5. Jabir b. 'Abd Allah al-Ansari meriwayatkan 1540 hadith.
6. Abu Sa'id al-Khudri meriwayatkan sebanyak 1,170 hadith.²¹

Adapun sahabat-sahabat Nabi yang lain pula dipercayai tidak seorang pun daripada mereka yang meriwayatkan lebih daripada 1,000 hadith. Sebagai bukti, keadaan politik semasa kerajaan Bani Umayyah, maka hadith-hadith yang berkisar di kalangan 'Ali dan pengikut-pengikutnya dilarang sama sekali dari diriwayatkannya. Perlu disebutkan bahawa bukanlah semua periwayat-periwayat hadith pada peringkat pertama itu jujur dan dapat dipercayai.

Hadith-Hadith Di Kalangan Shi'ah. - "EMPAT RATAS USUL" merupakan suatu hasil kegiatan pencatitan dan pengumpulan hadith-hadith yang terpenting di kalangan Shi'ah yang diusahakan sejak hayat Nabi s.'a.w. lagi.

"Usul" merujuk kepada teks hadith yang disusun oleh golongan ulama-ulama Shi'ah pada peringkat pertama. Teks-teks ini adalah terpelihara dari

kecacatan, terutama bila dilihat dari seni penulisan dan penyusunannya yang begitu teratur dan indah, dan kebanyakan daripada pencatit dan penyusun teks-teks ini mendengar sendiri hadith-hadith daripada imam-imam khususnya Imam Muhammad al-Baqir dan Imam Ja'far al-Sadiq 'a.s. dan mereka men-catitnya dalam buku-buku catitan yang khas pula.

Buku-buku catitan yang disusun dan disediakan oleh ulama-ulama Shi'ah yang mengandungi hadith-hadith yang didengar oleh salah satu imam atau dari seorang yang pernah mendengar daripada imamnya ini juga dikenali sebagai "usul". Selain daripada teks-teks yang telah disusun di zaman pemerintahan 'Ali b. Abi Talib 'a.s. hingga ke zaman Imam Hasan al-'Askari (Imam yang ke-dua belas) yang paling masyhur ialah yang sebanyak 400 usul oleh penyusun atau pengarang yang berlainan. Tiap-tiap kitab atau usul itu pasti mengandungi beberapa hadith yang tercatat tanpa mengambil-berat kepada susunan atau klasifikasi menurut tajuk-tajuk tertentu. Kebanyakan hadith-hadithnya boleh didapati dalam ki-tab-kitab, al-Mahasin al-Barqi, al-Kafi, dan Man La Yahduruhu al-Faqih, manakala sebahagian yang lain lagi didapati dalam kitab al-Tahdhib. Kebanyakan dari buku-buku catitan ini boleh didapati di Perpustakaan Shahpur Karkh di Baghdad dan telah hilang semasa Tughrul Beg, raja Turki membakar kotaraya itu dan menawannya pada tahun 448/1056. Buku-buku catitan lain yang terselamat ialah yang berada dalam simpanan Ibn Idris dan Ibn Tawus. Demikian juga yang lain yang melebihi 200 usul lagi masih ada sehingga ke hari ini.²²

Lazimnya buku-buku catitan ini mempunyai awalan nama, samada "Kitab" atau "Nawadir". Tiga belas daripadanya didapati di Perpustakaan Universiti Tehran dalam bentuk manuskrip fail nom-bor 962, di mana dua belas daripadanya bermula dengan nama "Kitab" dan hanya sebuah bernama "Nawadir".

Buku-buku itu ialah:

1. Kitab Zayd al-Zad
2. Kitab Ghasfari
3. Kitab 'Asim Ibn Hamid al-Hannat
4. Kitab Zayd al-Misri
5. Kitab Ja'far al-Hadrami
6. Kitab Muhammad al-Hadrami
7. Kitab 'Abd al-Malik Ibn Hakim

8. Kitab Muthanna Ibn Walid al-Hannat
9. Kitab Hadddd al-Sindi
10. Kitab Husayn Ibn 'Uthman
11. Kitab Kahili
12. Kitab Salam Khurasani
13. Nawadir Abi al-Hasan 'Ali Ibn Asbat Ibn Salim.²³

Empat Kitab. - Ulama-ulama hadith di kalangan Shiah juga telah menyusun empat buah kitab yang dianggap penting dan dikumpulkan dari buku-buku catitan atau "usul" yang disebutkan terdahulu yang menjadi teks-teks hadith yang terpenting sekali di kalangan Shi'ah yang begitu terkenal sampai sekarang.

Keempat-empat kitab itu adalah seperti berikut:

1. Al-Kafi, kitab ini disusun oleh Shaikh AbuJa'far Muham- mad Ibn Ya'qub al-Kulayni al-Razi (m.329/940) yang mengandungi 16,099 musnad (dokumen) dari hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Ahl al-Bayt.²⁴
2. Man La Yahduruhu al-Faqih, kitab in disusun oleh Shaikh Saduq Abu Ja'far Ibn Ali Ibn Babwayhi al-Qummi (m.381/991) yang juga terkenal dengan nama "Shaikh Ajal" atau "Saduq al-Taifah", dan kitab ini mengandungi 9,044 hadith.²⁵
3. Al-Tahdhib, kitab ini disusun oleh Abu Ja'far Muhammad Ibn Hasan al-Tusi (m. 460/1068) yang juga dikenali de ngan nama, "Shaikh al-Taifah".Kitab ini mengandungi 13,590 hadlth.²⁶
4. Al-Istibsar, kitab ini disusun oleh Shaikh al-Tusi. Kitab ini terbahagi kepada empat bahagian dengan 5,511 hadith.²⁷

400 "usul" menjadi bahan rujukan dan riwayat yang meluas bagi sarjana-sarjana hadith di kalangan Shi'ah sehingga kepada penyusunannya yang menyeluruh dibuat oleh Shaikh Ahmad Ibn Muhammad Ibn Khalid al-Barqi yang meninggal pada pertengahan abad Ketiga Hijrah. Kitab yang diberi nama al-Mahasin ini mengandungi hadith-hadith yang disusun mengikut bab-babnya yang tertentu. Kitab ini menjadi contoh dan pelopor kepada era baru dalam sejarah Ilmu Hadith di kalangan Shi'ah²⁸, kerana selepas

penyusunannya ramailah ulama-ulama lain yang mengusahakan pengumpulan dan penyusunan dan klasifikasi hadith-hadith, dan kemudiannya tersebarlah ratusan "usul". Kecenderungan ini telah membawa kepada penyatuan empat susunan hadith-hadith yang muktabar di abad keempat dan kelima Hijrah. Sejak itu kitab-kitab tersebut menjadi sumber yang penting di kalangan Shi'ah yang menjadi rujukan pula kepada penulis-penulis kemudian.

Peringkat Penjelasan. - Setelah penyusun empat buah teks hadith itu dilakukan, maka timbullah pula peringkat penjelasannya. Pada waktu ini kebanyakan ulama menumpukan pula kepada penulisan komentar-komentar bagi menghurai dan menjelaskan teks-teks hadith. Sejumlah besar komentar-komentar telah dibuat terhadap teks-teks ini, tetapi oleh kerana lama masanya, maka kebanyakan komentar-komentar telah dilupai dan hanya tersimpan di perpustakaan-perpustakaan sahaja yang jumlahnya tidak lebih daripada 120 buah sahaja yang dihasilkan pada peringkat ini.²⁹ Bagaimanapun, peringkat ini dianggap suatu kelemahan dalam sejarah perkembangan 'Ilmu Hadith pada keseluruhannya, kerana perkembangannya terbantut lantaran banyak perbincangan-perbincangan yang berkisar-kisar tanpa sebarang kemajuan dan penyelesaian sehinggalah kezaman pemerintahan Safavid baharulah ianya berakhir setelah pengiktirafan rasmi terhadap Shi'ah sebagai mazhab negara, dan dengan ini kajian 'Ilmu Hadith mulai berkembang semula.

Peringkat Ulama-Ulama Besar Dan Kitab-Kitab Utama. - Sarjana-sarjana hadith muncul di kalangan Shi'ah semasa pemerintahan Dinasti Safavid. Ulama-ulama itu telah mengembalikan semula peranan utama Shi'ah dalam bidang 'Ilmu Hadith', dan sebagai hasil daripada berlakunya zaman keruntuhan dan kemalapannya, maka pengkajian 'Ilmu Hadith' mulai masuk ke zaman keemasannya.

Oleh itu pada akhir abad ke-11 dan pada awal abad ke-12, maka sekali lagi pengkajian 'Ilmu Hadith' telah mendapat perhatian ramai para ulama yang terkemuka. Di antara mereka yang termasyhur ialah Muhammad Ibn al-Murtada Mulla Muhsin Fayd al-Kashani (m. 1091/1680), Muhammad Ibn Hasan al-Hurr al-'Amili (m. 1104/1692-3) dan Muhammad Baqir Ibn Muhmmad Taqi al-Majlisi (m. 1111/1669 - 70) di mana setiap orang telah meninggalkan karya-karya ilmiah yang bernilai tinggi. Karya-karya mereka ialah:

1. Kitab al-Jami' al-Wafi, iaitu karya Mulla Muhsin Fayd al-Kashani. Kitab ini mengandungi empat buah teks klasik hadith yang disebutkan dahulu. Kitab ini merupakan suatu karya yang amat berfaedah dalam semua aspek-nya,

dan hadith-hadith yang berulang-ulang telah dibuang, manakala hadith-hadithnya yang susah telah diberi huraian yang terperinci.³⁰

2. **Wasa'il al-Shi'ah**, iaitu karya Muhammad Ibn al-Hasan al-Hurr al-'Amili. Seperti juga karya di atas kitab ini menggabungkan empat teks klasik hadith di samping sumber-sumber yang lain.

3. **Bihar al-Anwar**, iaitu karya al-'Allamah Muhammad Baqir al-Majlisi. Karya yang berbentuk ensiklopedia hadith-hadith dari koleksi Shi'ah ini merupakan koleksi hadith-hadith yang terbesar sekali yang pernah dihasilkan samada di kalangan Shi'ah maupun di kalangan Sunni. Dalam karya ini, selain dari sumber-sumber Shi'ah banyak juga hadith-hadith yang diambil dari sumber-sumber Sunni.

Selain dari usaha yang terbesar dan kesusahan-kesusahan yang dialami oleh al-'Allamah al-Majlisi, suatu perkara yang mesti diakui bahawa karya yang merupakan "masterpiece" ini tidaklah sempat disempurnakannya, lantaran ia gagal menghapuskan banyak hadith-hadith lemah (da'if) dari karya besarnya ini. Jika al-Majlisi dilanjutkan umurnya sedikit lagi, nescaya ia berjaya menghasilkan suatu "lautan cahaya" yang sebenar yang penuh dengan intan-permata, batu-batu karang dan lombong-lombong emas yang tulin. Usaha memungut mutiara-mutiara dan emas-emas yang amat berharga dari lautan yang tidak bertepi dan untuk mencuci intan-berlian yang bersalut dengan lumpur dan cendawan ini terserahkan kebijaksanaan kita pula menyempurnakannya.

Peringkat Pengkajian Hadith. - Selepas zaman al-Majlisi muncul zaman Pengkajian Hadith yang pesat. Sarjana-sarjana hadith pada peringkat ini tidak mensia-siakan usaha yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana yang lalu seperti Fayd al-Kashani, al-Hurr Kashani, al-Hurr al'Amili dan al-'Allamah al-Majlisi, malahan mereka telah menurut jejak langkah mereka itu dengan lebih gigih, teliti dan hati-hati lagi terutama terhadap kriteria pengkaryaan baru yang sofistikated.

Di antara mereka ada yang telah meninggalkan karya-karya yang bernilai dalam bidang Ilmu Hadith seperti al-'Allamah Muhammad Husayn Ibn al-'Allamah al-Taqi dan Muhammad Nuri al-Mazandrani al-Tabrasi di mana yang akhir ini telah menghasilkan kitab **Mustadrak al-Wasa'il wa Muntabat al-Masa'il** yang disiapkannya pada tahun 1319/1901 dengan beberapa bab tambahan kepada kitab **Wasa'il al-Shi'ah**. Kitab ini mengandungi koleksi hadith-hadith yang berkait dengan kepercayaan Shi'ah yang terbesar sekali pernah diusahakan. Al-'Allamah Nuri meninggal pada tahun 1320/1902 di Bandaraya Najaf.³¹ Pada zaman keemasan ini juga hidupnya ulama besar al-Marhum Ayatullah Haj Aga Husayn Burujerdi, di mana karyanya telah menukarkan status beberapa ribuan hadith. Adalah diharapkan bahawa ulama-ulama Shi'ah dan Sunni kini dapat bekerjasama agar dapat menghasilkan pencapaian-pencapaian yang lebih besar lagi dalam bidang Ilmu hadith dan bidang-bidang ilmu Islam lainnya.

Hadith Di Kalangan Ahl al-Sunnah. - Periwat-periwat hadith yang pertama: Mengikut 'Kashf al-Zunun, bila sahabat-sahabat Nabi s.'a.w. satu demi satu meninggal, keperluan untuk mencatat hadith-hadith begitu ketara sekali. Orang yang mula-mula sekali menyusun kitab (hadith) dalam Islam ialah Ibn Jarir³² kemudian al-Muwatta' dibukukan oleh Imam Malik (M.179/795). Manakala Rabi' Ibn Sabih di Basrah ialah orang yang pertama sekali menyusun kitab mengikut bab-bab yang berasingan.

Al-Sihah al-Sittah. - Usaha penyusunan hadith-hadith berterusan sampai ke zaman Imam al-Bukhari (M.256/870), Muslim b. al-Hajjaj (M.261/875), dan kemudian diikuti pula oleh Imam al-Tirmidhi ((M.279/892), Abu Dawud al-Sijistani (M.275/889), Nasai (M.301/915) dan lainnya.³³

Imam Malik, di dalam al-Muwatta' menyusun hadith-hadith mengikut rentetan "Usul al-Fiqh" ³⁴, manakala Imam Ahmad Ibn Hanbal di dalam Musnadnya. membahagikan hadith-hadith kepada beberapa bab, tiap-tiap bab ditumpukan kepada seorang sahabat Nabi s.'a.w., di mana riwayatnya telah dicatatkan.³⁵

Selepas mereka itu, Imam al-Bukhari mengelaskan hadith-hadith dalam kitabnya al-Jami' al-Sahih berdasarkan kawasan-kawasan periwat-periwatnya, di mana beliau menumpukan kepada bahagian-bahagian yang berasingan bagi hadith-hadith yang diriwayatkan oleh orang-orang Hijaz, Iraq dan Syria. Imam Muslim pula mengasingkan hadith-hadith yang berulang-ulang di dalam berbagai bab secocok dengan berbagai aspek dalam Ilmu Fikah, dan dalam bab-bab lain pula mengenai riwayat hidup secara terperinci. Selepas itu, Abu Dawud, al-Tirmidhi dan al-Nasai meluaskan lagi skop dengan penumpuan yang lebih kepada pengelasan hadith-hadith.³⁶

Usaha-usaha berdasarkan al-Sihah al-Sittah. - Untuk melanjut-kan usaha-usaha yang dilakukan oleh sarjana-sarjana yang ter-dahulu dalam Ilmu Hadith, sarjana-sarjana berikutnya telah melakukan penyusunan semula terhadap hadith-hadith dalam al-Sihah al-Sittah. Di antara mereka ialah 'Abd Allah Muhammad Ibn Hamid Ibn Abi Bakr, Ahmad Ibn Muhammad al-Raqani dan Abu Mas'ud Ibrahim Ibn Muhammad al-Dimashqi yang menggabungkan kitab-kitab al-Bukhari dan kitab Muslim.

Kemudian Abu al-Hasan Zarin Ibn Mu'awiyah yang menggabungkan al-Muwatta' Imam Malik, Jami' al-Tirmidhi, Sunan Abi Dawud dan Sunan al-Nasa'i serta al-Sahihayn oleh al-Bukhari dan Muslim. Setelah itu di susuli pula Ibn al-Athir yang menggabungkan al-Sihah al-Sittah dengan Kitab Zarin yang menghasilkan suatu yang lebih teratur lagi daripada karya Zarin sendiri. Akhirnya al-Suyuti pula menggabungkan al-Sihah al-Sittah dengan sepuluh Musnad yang dikenali dengan, Jami' al-Jawami', meskipun masih terdapat lagi di dalamnya beberapa hadith lemah (da'if).³¹

Ringkasnya boleh dikatakan bahawa tujuan utama pengumpul-pengumpul hadith-hadith pada peringkat pertama hanya ingin mencatat riwayat-riwayat tanpa menghiraukan teknik-teknik penulisan dan pembukuannya, kerana mereka pada mulanya hanya mahu mencatat dan menjaga hadith-hadith melalui buku-buku nota mereka sahaja, mereka tidaklah bertujuan untuk menyusunnya di dalam kitab-kitab yang khusus.

Pada peringkat kedua baharulah mereka menyedarinya dan mulai mengumpulnya ke dalam buku-buku, tetapi karya-karya mereka banyak kelemahannya kerana hadith-hadithnya tidak begitu tersusun dan klasifikasinya juga lemah menjadikan pembaca-pembacanya terpaksa melihat semua hadith-hadithnya sewaktu mencari atau mengkaji satu-satu hadith yang tertentu.

Peringkat ketiga merupakan peringkat pengelasan hadith-hadith, di mana tiap-tiap pengarangnya membahagikannya kepada bab-bab mengikut caranya yang tersendiri: Seorang pengarang membahagikannya menurut isu-isu fikah, manakala yang lain pula lebih suka mengelaskannya mengikut negeri asal periwayat-periwayatnya.

Peringkat keempat, pengarang-pengarang mula meninggalkan hadith-hadith yang telah disebutkan sebelumnya menjadikan pembaca-pembaca lebih mudah untuk mendapatkan hadith-hadith dari kitab-kitab mereka.

Peringkat kelima, ahli-ahli hadith mula pula mengkaji hadith-hadith dari segala aspeknya. Mereka, misalnya, melihat dan mengkajinya menurut jurus pandangan ahli-ahli hukum untuk mendapatkan sesuatu fakta baru yang berhubung dengannya. Dalam peringkat ini sejumlah besar hadith-hadith menjadi kajian yang kritikal dan percubaan telah dilakukan untuk mengumpulkan hadith-hadith ke dalam sebuah kitab sahaja.³⁸

'Ilm Dirayat I-Hadith:Sebab-Sebab Kemunculannya

Hadith-hadith tidaklah terjamin selamat dari pemalsuan dan masalah-masalahnya yang lain. Sejumlah besar hadith-hadith palsu ditemui dalam koleksi-koleksi hadith-hadith Nabi s.a.w. Kerja-kerja untuk memisahkan hadith-hadith sahih dari hadith-hadith yang meragukan adalah mustahak sepertilah juga membuang rumput-rumpai dari anak-anak bunga; sebagaimana rumput-rumpai di mana identifikasinya dan pembuangannya bukanlah suatu kerja yang senang, dan bunga tidaklah ditinggalkan begitu sahaja dibiarkan hidup subur tanpa dibela dengan baik, dan demikianlah juga perlu dilakukan terhadap hadith-hadith. Inilah sebabnya mengapa ulama-ulama perlu memisahkan hadith-hadith palsu daripada hadith-hadith sahih. Mereka memerlukan alat-alat yang bukan senang diperolehi, dan sebagaimana yang terbukti dari fakta bahawa di samping usaha-usaha sarjana-sarjana yang berkurun-kurun lama, masih ada lagi sisa-sisa dari rumput-rumpai yang merbahaya dan merosakkan, meskipun pokoknya masih terus hidup.

Bagaimana rumput-rampai (hadith-hadith palsu) ini menemukan jalan-jalan kepada semaian-semaian bunga-bunga hadith Nabi itu, maka ini adalah di antara faktor-faktor yang penting:

1. Terdapat setengah-setengah orang yang menjaga dan menyebarkan biji-biji benih rumput-rampai yang degil itu. Di antara mereka itu terdiri daripada penyokong-penyokong Bani Umayyah dan penentang-penentang Islam yang lain yang pada lahirnya mereka bercakap dan berkelakuan menunjukkan kesetiaan terhadap Islam, sedang pada hakikatnya tidak demikian.³⁹

2. Kemunculan berbagai golongan dalam Islam membawa kepada pemalsuan hadith-hadith. Ini dilakukan oleh pengikut-pengikut mazhab-mazhab yang berlainan bagi mewujudkan bukti-bukti bertulis untuk menyokong mazhab masing-masing di samping ingin menjatuhkan penentang-penentang mereka.⁴⁰

3. Pemalsuan dilakukan oleh orang-orang yang hanya menumpukan kepada nilai-nilai kebaikan sahaja dan menjauhkan diri daripada kejahatan yang mengkhayalkan, dan bahawa dengan berbuat demikian mereka akan lebih berkeupayaan memimpin orang lain.⁴¹

4. Penyerapan Isralliyyat, iaitu suatu proses yang dirangsangkan oleh perasaan ingin tahu dan keinginan orang ramai untuk mengetahui kehidupan-kehidupan dan zaman-zaman yang dilalui oleh nabi-nabi yang terdahulu. Cerita-cerita khayalan demikian terdapat dalam kisah-kisah berhubung dengan kehidupan dan tindak-tanduk nabi-nabi itu — seperti laporan-laporan yang dibuat oleh al-Tabari bersandarkan Ibn Munabbih. Menurut cerita ini, syaitan atau ular pada asalnya mempunyai tangan-tangan dan kaki-kaki, tetapi setelah ia membenarkan syaitan memasuki perutnya, maka Allah telah menjadikan tangan kakinya itu terbenam ke dalam perutnya.⁴²

5. Prasangka puak dan daerah serta musuh-musuh telah mendorong setengah orang memalsukan hadith-hadith untuk dihasilkan sebagai bukti kelebihan mereka ke atas yang lain - seperti yang terbukti dari hadith-hadith yang dihubungkan dengan setengah bandar.

6. Cita-cita peribadi satu lagi pendorong yang merangsang setengah sarjana melakukan pemalsuan.

7. Pemalsuan hadith sebagai satu jalan perolehan faedah peribadi atau untuk mendapat kedudukan istimewa (kuasa) dari khalifah.⁴³

8. Kontroversi-kontroversi dan perbezaan pendapat di antara fuqaha-fuqaha juga mendorong setengah sarjana memalsukan hadith yang mendesak untuk menyokong kedudukan mereka dari segi undang-undang.

9. Tukang-tukang cerita dan pencerita-pencerita dongeng purba dengan tidak menafikan, bahawa mereka tidak rela membiarkan khayalan mereka berkisar dan menyerap ke dalam hadith.⁴⁴

Oleh faktor-faktor di atas dan lainnya, maka pemeriksaan yang teliti dan kritikal terhadap hadith-hadith adalah perlu. Sebagai hasil dari usaha gigih sarjana-sarjana Islam dalam perkara ini, suatu cabang baru dari ilmu Hadith telah dicipta yang digelar, "Dirayat al-Hadith".⁴⁵

Dirayat al-Hadith. - Kemunculan Ilmu Dirayat al-Hadith ini melahirkan pula berbagai cabangnya. Peraturan-peraturan tertentu dan panduan-panduan telah direncanakan bagi membezakan di antara hadith-hadith yang sebenar daripada yang tidaknya. Keadaan peraturan-peraturan yang demikian digelar "Mustalah al-Hadith", yang mana di samping "Ilm al-Rijal" (literalnya, ilmu yang mengenai orang-orang, periwayat-periwayat) telah membentuk cara-cara meneliti hadith-hadith. Bagaimanapun, untuk tujuan ini, pengetahuan lain sebelumnya adalah mustahak, iaitu bahasa Arab dan tatabahasanya, sintaksis, pengetahuan tentang stail dan bentuk bahasa, pengetahuan mengenai nasikh dan mansukh ayat-ayat al-Qur'an, pengetahuan tentang sejarah Islam dan berbagai mazhab dalam Islam serta kepercayaan mereka — dan perincian-perincian yang lain mengenai hadith.

Haji Khalifah dalam *Kashf 'al-Zunun* memberi definisi "'Ilm al-Dirayat" dalam hal ini, "'Ilm Dirayat al-Hadith" yang membincangkan kandungan dan makna perkataan-perkataan dalam hadith berdasarkan nahu Arab dan sintaksis, kriteria syariat dan memeriksa penyesuaiannya dengan hal-hal yang mengenai Rasulullah s.'a.w., taraf linguistik dalam ilmu bahasa Arab serta laporan-laporan yang berhubung dengan Rasulullah s.'a.w., kedudukan "Ilm al-Rijal" (Ilmu yang berhubung dengan periwayat-periwayat hadith, nama-nama mereka, susur-galur keturunan mereka, hayat mereka, tarikh wafat, ciri-ciri peribadi, keadaan penerimaan dan periwayatan hadith-hadith mereka, demikian juga tajuk-tajuk atau maudhuk-maudhuknya) dan tujuan-tujuan untuk membezakan hadith-hadith dengan yang ditolak. Ianya memerlukan pengelasan dari berbagai cara periwayatan, latarbelakang ilmu bahasa periwayat-periwayat, pendapat-pendapat dan kritikan mereka terhadap apa yang mereka riwayatkannya, hubungan mereka dengan sumber-sumber yang terdahulu — daripada siapakah mereka menerimanya pengetahuan tentang pemilikan kebenaran riwayat (ijazah)⁴⁶ oleh seorang periwayat dan seterusnya pengetahuan tentang pengelasan hadith-hadith seperti sahih, hasan, da'if dan sebagainya.⁴⁷

'Ilm al-Rijal. - Berdasarkan kepada firman Allah berikut ini sarjana-sarjana hadith menilai periwayat-periwayat hadith:
Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu."
(Surah al-Hujurat, 49 : 6)

Berhubung dengan siapakah orang yang mempelopori bidang ini, hendaklah diakui bahawa orang-orang Shi'ahlah yang melakukannya.

Penulis yang pertama sekali menyusun sebuah kitab dalam tajuk ini ialah Abu Muhammad 'Abd Allah Ibn Jibillah Ibn Hayyan al-Kanani (M. 219/834);⁴⁸ tetapi menurut Jalal al-Suyuti dalam kitabnya, Kitab al-Awa'il bahawa penulis yang pertama sekali dalam bidang 'Ilm al-Rijal ialah Shu'bah (M.260/833-4).⁴⁹ Bagaimanapun, adalah jelas sekali bahawa kenyataan Jalal al-Din al-Suyuti tidak sesuai dengan fakta sejarah, kerana 'Abd Allah Ibn Jibillah telah meninggal 40 tahun sebelum Shu'bah.

Satu lagi alasan yang penting ialah bahawa tulisan tentang rekod-rekod peristiwa-peristiwa yang disusun mengikut masa ianya berlaku (babad) yang berhubung dengan orang-orang atau riwayat-riwayat hidup mereka adalah diketahui unnum di kalangan Shi'ah sejak awal Islam lagi, jika ini diambil kira, maka Abu Rafi' dan keturunannya mendahului yang lain.⁵⁰

Setengah kitab-kitab tentang 'Ilm al-Rijal memberikan senarai-senarai riwayat hidup periwayat-periwayat tanpa memberikan tarikh meninggal mereka, seperti Tarikh al-Tabari oleh Ibn Jarir al-Tabari, Muruj al-Dhahab oleh al-Mas'udi, al-Kamil Fi al-Tarikh oleh Ibn al-Athir. Setengah kitab-kitab memberikan tarikh meninggal tanpa riwayat hidup. Manakala yang lain lebih komprehensif lagi, dengan memberikan hampir sempurna perincian-perincian yang penting, seperti karya-karya oleh Abu al-Faraj Jawzi dan al-Dhahabi.⁵¹

Lima buah kitab yang terpenting dalam 'Ilm al-Rijal yang disusun oleh sarjana-sarjana Shi'ah ialah:

